

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 4 TAHUN 2020**

**TARIKH : 24 JUN 2020 (RABU)**  
**MASA : 9.00 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,**  
**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**

**HADIR**

- |     |  |   |             |
|-----|--|---|-------------|
| 1.  | Tuan Mohd Yasin bin Alwi, <i>A.I.S.</i><br>(Timbalan Yang Dipertua)  | - | Pengerusi   |
| 2.  | Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin<br>Tengku Harun, <i>D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.</i><br>Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya<br>Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Encik Wong Kim Loon  | - | Ahli Majlis |
| 4.  | Encik Rosdi bin Meor Endut   | - | Ahli Majlis |
| 5.  | Encik Mat Irwan bin Ismail   | - | Ahli Majlis |
| 6.  | Cik Ang Lee Yong   | - | Ahli Majlis |
| 7.  | Encik Ang Eu Liang   | - | Ahli Majlis |
| 8.  | Encik Nadasan a/l Subramani  | - | Ahli Majlis |
| 9.  | Encik Haridass a/l Ramasamy  | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Gan Yee Chin   | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Teh Eng Teck   | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Lim Tou Yih  | - | Ahli Majlis |
| 13. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman   | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Munusamy a/l Erishin   | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Razali bin Ahmad   | - | Ahli Majlis |
| 16. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid  | - | Ahli Majlis |
| 17. | Encik Sethupathy a/l Subramaniam   | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Baharudin bin Misran, <i>P.J.K.</i>  | - | Ahli Majlis |
| 19. | Puan Rahimah binti Harun   | - | Ahli Majlis |
| 20. | Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam  | - | Ahli Majlis |

- |     |  |   |                     |
|-----|--|---|---------------------|
| 21. | Encik Low Kok Hua                                  | - | Ahli Majlis         |
| 22. | Encik Miskon bin Haji Karim, <i>A.I.S., P.P.T.</i> | - | Penolong Setiausaha |

**TURUT HADIR**

- |     |   |   |  |
|-----|---|---|--|
| 1.  | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i>                       | - | Pengarah Jabatan<br>Perbendaharaan                         |
| 2.  | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i>                    | - | Pengarah Jabatan<br>Kejuruteraan                           |
| 3.  | Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i> - |   | Pengarah Jabatan<br>Perancangan Pembangunan                |
| 4.  | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad                                    | - | Pengarah Jabatan<br>Kawalan Bangunan                       |
| 5.  | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i>                       | - | Pengarah Jabatan<br>Korporat dan Pembangunan<br>Masyarakat |
| 6.  | Puan Lisawati binti Abd. Karim                                    | - | Pengarah Jabatan<br>Penilaian dan Pengurusan<br>Harta      |
| 7.  | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap                                  | - | Pengarah Jabatan<br>Landskap                               |
| 8.  | Puan Nordila binti Yasir  | - | Pengarah Jabatan<br>Pelesenan                              |
| 9.  | Encik Mohd Hairul Nizam bin Salimin                               | - | Ketua Jabatan<br>Penguatkuasaan                            |
| 10. | Encik Hasrizal bin Abdul Rahim                                    | - | Ketua Unit Perundangan                                     |
| 11. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim                                  | - | Ketua Unit OSC   |
| 12. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai<br>Subaramaniam             | - | Ketua Unit Audit<br>Dalam                                  |
| 13. | Puan Norain binti Mohamed   | - | Ketua Unit Pesuruhjaya<br>Bangunan                         |
| 14. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin                              | - | Ketua Bahagian Teknologi<br>Maklumat                       |
| 15. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni-                         |   | Ketua Unit Perolehan<br>dan Ukur Bahan                     |
| 16. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin                         | - | Ketua Pejabat Cawangan<br>Bandar Saujana Putra             |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 17. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Wakil Pengarah Jabatan<br>Khidmat Pengurusan                                    |
| 18. | Puan Noor Hayati binti Ibrahim         | - | Wakil Pengarah Jabatan<br>Pengurusan Sisa Pepejal dan<br>Kesihatan Persekitaran |

**DIJEMPUT HADIR**

- |    |  |   |           |
|----|--|---|-----------|
| 1. | Yang Berhormat Tuan Lau Weng San<br>ADUN Banting             | - | Pemerhati |
| 2. | Yang Berhormat Tuan Haji Hasnul bin Baharudin-<br>ADUN Morib | - | Pemerhati |

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

- |    |                                    |   |                                |
|----|------------------------------------|---|--------------------------------|
| 1. | Puan Hashila binti Hamzah          | - | Pegawai Tadbir                 |
| 2. | Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus | - | Penolong Pegawai Tadbir        |
| 3. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi     | - | Pembantu Setiausaha<br>Pejabat |
| 4. | Puan Rosmawati binti Othman        | - | Pembantu Setiausaha<br>Pejabat |
| 5. | Encik Mohd Sahlan bin Tukiran      | - | Pembantu Operasi               |
| 6. | Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil | - | Pembantu Operasi               |

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	<b>BACAAN DOA</b>		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, wakil Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan.		<b>Makluman</b>
2.0	<b>UCAPAN Pengerusi</b>		
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, YB. ADUN Morib, Ahli-ahli Majlis, Penolong Setiausaha dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:		
	2.1	DYMM. Sultan Selangor telah memperkenankan tarikh 9 September 2020 sebagai Majlis Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat. Oleh itu, satu mesyuarat akan diatitkan pada minggu hadapan.	
	2.2	Sepanjang bulan Jun, pihak JPSPKP telah melaksanakan beberapa operasi sanitasi awam di beberapa lokasi antaranya hentian bas sekitar Telok Datok dan Pasar Awam Banting. Pihak JPSPKP juga telah melaksanakan operasi pembersihan sampah pada 9 Jun 2020 di Kampung Seri Cheeding dan Kampung Jenjarom.	
	2.3	Skuad Pantas MPKL telah menjalankan pengalihan pokok tumbang di beberapa lokasi antaranya berdekatan simpang Jalan Batu 6, hadapan McDonald's Banting dan Jalan Sekolah, Kampung Sungai Jarom.	
	2.4	Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat telah menjalankan ujian saringan Covid-19 pada 1 hingga 4 Jun 2020 di Taman Langat Murni dan Taman Langat Utama.	
	2.5	YB. Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan lawatan di kawasan Taman Langat Murni dan Taman Langat Utama, Bukit Changgang pada 4 Jun 2020.	

	2.6	Penyerahan Bantuan Makanan Kepada Penduduk oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Langat telah diadakan pada 6 Jun 2020 di Taman Langat Murni.	
	2.7	Lawatan Dato' Menteri Besar Selangor ke Taman Langat Murni, Bukit Changgang telah diadakan pada 7 Jun 2020.	<b>Makluman</b>
	2.8	Hari Terakhir PKPD Pentadbiran dan Sidang Media telah diadakan pada 16 Jun 2020 di Taman Langat Murni dan Taman Langat Utama.	
	2.9	Pada 11 Jun 2020, program Penyerahan Sumbangan Alat Inovasi ' <i>Hand Sanitizer</i> ' oleh Persatuan Industri LED Malaysia kepada MPKL telah diadakan.	
	2.10	Pembukaan Semula Pasar Malam Banting bermula 15 Jun 2020.	
	2.11	Audit Pemantauan 1, Program MS ISO 37001:2016, Sistem Pengurusan Anti Rasuah MPKL telah diadakan pada 17 hingga 19 Jun 2020 di Bilik Cempaka Kuning, MPKL.	
	2.12	Lawatan tapak oleh YB. Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru telah diadakan pada 23 Jun 2020 di Pasar Pagi Teluk Bunut, Banting.	
<b>3.0</b>	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b>		
	<b>3.1</b>	<b>MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 3 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 19 MEI 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Rosdi bin Meor Endut dan disokong oleh Encik Wong Kim Loon dengan pindaan kepada:	<b>Makluman</b>

		<p>i. <u>Perkara 5.2 (ii) (m.s.7)</u></p> <p>Tambahan ayat – Dimaklumkan kadar sewa yang dinaikkan adalah sebanyak 50% dari kadar sewa sedia ada.</p> <p>ii. <u>Perkara 7.3 (Ulasan Mesyuarat No.4) (m.s.18)</u></p> <p>Dengan menjemput pihak media <b>digugurkan dari minit mesyuarat.</b></p> <p>iii. <u>Perkara 7.3 (Ulasan Mesyuarat No.6) (m.s.19)</u></p> <p>Kerana menurut kepercayaan masyarakat Cina, ia bertentangan dengan 'feng shui' <b>digugurkan dari minit mesyuarat.</b></p> <p>iv. <u>Perkara 8.2 (i) (m.s.28)</u></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan pengecualian tersebut diberikan sehingga bulan April 2020 <b>dipinda kepada</b> Tuan Pengerusi memaklumkan pengecualian tersebut diberikan dari bulan April hingga Mei 2020.</p>	
<b>4.0</b>	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>		
	4.1	<p><b><u>Perkara 5.4 (ii) (m.s.9)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu status kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan landskap Persiaran Bandar Mahkota.</p> <p><i>Pengarah JL memaklumkan kerja penyelenggaraan di kawasan tersebut akan bermula pada 1 Julai 2020. Untuk peringkat awal, pihak jabatan telah meminta pihak pemaju menyelenggara kawasan tersebut.</i></p>	<b>Makluman</b>
	4.2	<p><b><u>Perkara 7.3 (m.s.14)</u></b></p> <p>Berkenaan cadangan pembatalan projek membina dan menyiapkan bangunan pejabat MPKL, dimaklumkan perkara ini masih dalam tindakan pihak peguam untuk melengkapkan dokumen yang diperlukan untuk tindakan seterusnya.</p> <p><i>Mesyuarat bersetuju mesyuarat khas diadakan pada waktu pagi.</i></p>	<b>JKB/UU</b>

5.0	<b>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	5.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 3 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 JUN 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><b><u>Perkara 4.4.2 (m.s.13)</u></b></p> <p>Encik Ang Eu Liang memaklumkan ulasan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) iaitu mengambil maklum ulasan EESIM JAS Sepang adalah jawapan yang tidak professional kerana MPKL akan dipersalahkan jika ada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.</p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan setiap kilang perlu mendapatkan ulasan Pengesahan Awal Tapak (PAT) daripada JAS Shah Alam dahulu. Selepas itu, ulasan tersebut akan dibawa ke JAS Sepang dan seterusnya pihak JAS Sepang akan menghantar surat kepada MPKL.</i></p> <p><i>Berkenaan ulasan teknikal daripada pihak Bomba yang dikeluarkan pada tahun 2018, Cik Ang Lee Yong meminta pihak Bomba mengeluarkan satu surat rasmi yang menyatakan ulasan teknikal pada tahun tersebut masih boleh digunapakai.</i></p> <p><i>Encik Rosdi berharap pihak JAS dapat memberikan ulasan dari segi persekitaran dan susun atur kerja.</i></p> <p><i>Encik Teh Eng Teck memaklumkan pihak JAS masih belum mengeluarkan kenyataan rasmi berkenaan isu pencemaran bau di Telok Panglima Garang.</i></p> <p><i>Encik Wong Kim Loon memaklumkan isu pencemaran bau dari tapak pelupusan sampah Tanjung Dua Belas</i></p>	<b>Makluman</b>

		<p><i>masih belum selesai.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi mencadangkan pihak JAS memberikan taklimat berkenaan isu ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan akan datang.</i></p> <p><i>Encik E. Munusamy memaklumkan isu limpahan minyak diesel di Kuala Langat Power Plant Sdn. Bhd. masih berlaku.</i></p>	
	<p>ii.</p>	<p>Berkenaan pembukaan pasar malam dan pasar pagi di kawasan kampung, Tuan Pengerusi memaklumkan pasar-pasar di bawah pengurusan MPKK dan Ketua Kampung tertakluk di bawah MPKL. Sebagai makluman, sebanyak empat pasar telah dibuka iaitu Pasar Malam Bandar Saujana Putra, Pasar Malam Tanjung Sepat, Pasar Malam Banting dan Pasar Pagi Telok Bunut. Satu taklimat akan diadakan pada minggu hadapan oleh pihak JPL melibatkan Ketua Kampung, Penghulu dan Pengerusi Pasar Malam.</p> <p><i>Y.A.D. Orang Besar Daerah mengucapkan terima kasih kepada pihak Majlis kerana membenarkan pembukaan semula Pasar Malam Bandar Saujana Putra. Hasil pemerhatian beliau, hanya 50% sahaja peniaga yang berniaga. Sebelum sesebuah pasar dibuka, beliau berharap pihak MPKL dapat menyediakan peralatan lengkap seperti yang telah ditetapkan dalam prosedur operasi standard (SOP).</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan bagi pasar di bawah pengurusan MPKK, peralatan seperti pembersih tangan, topeng muka dan alat pengesan suhu perlu disediakan sendiri oleh pihak mereka.</i></p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan bagi pasar malam di bawah MPKK, kaedah pengiliran peniaga akan digunakan di mana peniaga lain akan diminta untuk bertugas pada minggu yang mereka tidak berniaga. Waktu operasi pasar pagi adalah pada jam 6 pagi hingga 9 pagi manakala pasar malam adalah pada jam</i></p>	<p><b>Makluman</b></p>



		<p><i>3 petang hingga 8 malam.</i></p> <p><i>Cik Ang Lee Yong mengucapkan terima kasih kepada pihak Majlis kerana telah memberikan bantuan semasa pembukaan Pasar Pagi Telok Bunut.</i></p> <p><i>Berkenaan SOP yang digunapakai, YB. ADUN Banting memaklumkan akan berbincang dengan pihak JPPH dan JPL untuk pembukaan Pasar Pagi dan Pasar Malam Jenjarom.</i></p>	
	<p>iii.</p>	<p><i>YB. ADUN Morib membangkitkan isu penguatkuasaan terhadap warga asing yang berniaga tanpa lesen atau berniaga menggunakan lesen orang tempatan.</i></p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan bagi peniaga yang menjalankan perniagaan runcit, tiada syarat yang menetapkan larangan menggaji warga asing. Bagi penjaja yang tidak mempunyai premis, terdapat syarat yang melarang mereka untuk menggaji warga asing. Seperti yang sedia maklum, ramai warga asing menggunakan lesen orang tempatan untuk menjalankan perniagaan dan setakat ini, pihak Kerajaan Negeri masih belum mengeluarkan arahan berhubung perkara ini. Pada tahun ini, pihak Majlis bersama pihak Jabatan Imigresen telah menjalankan operasi di kawasan Bukit Changgang dan Pekan Banting.</i></p> <p><i>Encik Mat Irwan pula memaklumkan perlu ada penambahbaikan dari syarat pembaharuan lesen pada tahun hadapan seperti lampiran pasport dan visa pekerja.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi mencadangkan pihak JPK mengadakan operasi bersama Jabatan Imigresen.</i></p> <p><i>Cik Ang Lee Yong mencadangkan isu ini dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Mampan.</i></p>	<p><b>Makluman</b></p>

	<b>5.2</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 4 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 JUN 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<b><u>Perkara 4.3 (m.s.4)</u></b> Encik Mat Irwan mencadangkan peruntukan di zon angkat boleh digunakan sebanyak 20%-30%.	<b>JKPM</b>
	ii.	<b><u>Perkara 5.1.8 (m.s.8)</u></b> Tindakan – Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat <b>dipinda kepada</b> Unit Korporat dan Perhubungan Awam.	<b>Makluman</b>
	iii.	<b><u>Perkara 5.4.1 (m.s.8)</u></b> Cik Ang Lee Yong mencadangkan peruntukan Ahli Majlis digunakan untuk pemberian komputer riba dan mesin pencetak.	<b>Makluman</b>
	<b>5.3</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 JUN 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	Dimaklumkan Mesyuarat Kajian Semula Bajet Tahun 2020 MPKL akan diadakan pada 2 Julai 2020.	<b>Makluman</b>
	<b>5.4</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 4 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 JUN 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	

	i.	<p><b><u>Perkara 5.2.5 (m.s.6)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin memohon cantasan pokok dibuat di Jalan Mentari dan Jalan Suria, Bandar Mahkota serta pokok-pokok yang menghalang pencahayaan lampu.</p>	<b>Makluman</b>
	ii.	<p><b><u>Perkara 5.3.6 (m.s.8)</u></b></p> <p>Tambahan ayat -</p> <p>Encik Ang Eu Liang memaklumkan kedai dan tempat komersial perlu menyediakan tong sampah masing-masing dan mohon pihak JPK pantau premis yang tidak mematuhi arahan.</p>	<b>Makluman</b>
	iii.	<p><b><u>Perkara 5.3.7 (m.s.9)</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan sampah pukal di zon beliau semakin bertambah dan pihak kontraktor tidak menjalankan kerja mengikut jadual.</p> <p><i>Dimaklumkan kerja-kerja kutipan sampah pukal dibahagikan kepada tiga zon dan dilaksanakan pada setiap bulan. Pihak kontraktor akan masuk ke setiap taman sebanyak satu kali untuk kutipan sampah pukal. Setakat ini, pihak jabatan sentiasa membuat pemantauan di setiap zon dan dimaklumkan ada Notis Tindakan Pembetulan dikeluarkan pada setiap bulan.</i></p> <p><i>Encik Ang Eu Liang mencadangkan kutipan sampah pukal dilaksanakan oleh pihak KDEB kerana mereka lebih berpengalaman dan mempunyai jentera yang mencukupi.</i></p> <p><i>Encik Mat Irwan turut bersetuju dengan cadangan ini dan beliau juga memaklumkan sampah pukal di zon 4 terlalu banyak.</i></p>	<b>Makluman</b>

6.0	<b>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	6.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 5 TAHUN 2020 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 MAC 2020</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>
7.0	<b>HAL-HAL LAIN</b>		
	i.	Encik Gan Yee Chin mohon pihak Majlis mengambil tindakan terhadap ' <i>batching plant</i> ' berhampiran surau Jalan Suria, Bandar Mahkota kerana ia mendapat bantahan daripada penduduk dan dikhuatiri akan merosakkan jalan taman.	<b>JPK/JKB</b>
8.0	<b>UCAPAN PENANGGUHAN</b>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Baharudin bin Misran,		
	i.	Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada Tuan Timbalan Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, YB. ADUN Morib, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.	<b>Makluman</b>
	ii.	Beliau mengucapkan tahniah kepada pihak Majlis kerana telah dinaiktaraf daripada Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran. Beliau berharap semua Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan dapat bekerjasama sebagai satu pasukan dan turut berharap tempoh enam bulan yang tinggal dapat digunakan sebaik mungkin untuk membuat penambahbaikan. Beliau juga yakin dengan kebolehan Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan di mana jika ia digabungkan, akan menghasilkan satu pasukan yang hebat.	

	iii.	Akhir kata, beliau mengakhiri ucapan beliau dengan serangkap pantun, Daun selasih ikan yu, Terima kasih ' <i>i love you</i> '.	
<b>9.0</b>		<b>UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi</b>	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.	<b>Makluman</b>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,  
Bahagian Pentadbiran,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh : 29 Jun 2020

Disemak oleh :

.....  
**(MISKON BIN HAJI KARIM, A.I.S., P.P.T.)**  
Penolong Setiausaha,  
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....  
**(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)**  
Timbalan Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh .....  
dan disokong oleh .....

**PETUNJUK :**

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

*lynda/mesyuarat mdkl 4/2020*